



## **PENILAIAN PROGRAM**

### **PROGRAM PEMBUDAYAAN TRANSFORMASI NEGARA BAGI PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH DAN KETUA INSTITUSI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**



**Siri 1: 12 – 14 Mac 2018**

**Kem Bina Negara Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan**

**Siri 2: 10 – 12 Julai 2018**

**Kem Bina Negara Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak**

**Bahagian Kawalan Standard**

Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat





Melapor hasil penilaian pelaksanaan program Pembudayaan Tranformasi Negara bagi Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan Ketua Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Siri 1 dan 2 Tahun 2018.



JKM komited untuk mengamalkan budaya organisasi berprestasi tinggi melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya kerja yang positif serta mempertingkatkan motivasi anggota demi mempertingkatkan kecemerlangan organisasi dan penyampaian perkhidmatan.

Pada tahun 2018, konsep persidangan telah digarap semula daripada bentuk persidangan dan pembentangan kepada pembentukan kerja berpasukan, peningkatan tahap kesedaran terhadap elemen kenegaraan dan membina semangat para peserta.



Dengan menggabungkan koordinasi pengetahuan serta kemahiran semua disiplin, ilmu adalah diharapkan agar PKMD dan Ketua Institusi dapat memenuhi keperluan objektif seperti berikut:

- 1 memahami kepentingan kerja berpasukan dalam melaksanakan misi dan visi jabatan;
- 2 meningkatkan tahap keyakinan pegawai dalam melaksanakan dan memupuk semangat kerja berpasukan yang tinggi;
- 3 mempertingkatkan semangat nasionalisme dan patriotisme dalam kalangan pegawai JKM; dan
- 4 memupuk budaya dan amalan nilai-nilai murni dalam melaksanakan kerja seharian.

# Penyertaan




Peserta dijemput



PKMD



Ketua Institusi




Berdasarkan carta di atas, seramai 131 orang (68.3%) telah hadir, 17 orang wakil (8.9%) dan 44 orang (22.9%) tidak dapat hadir.

## Punca Kuasa Pelaksanaan Program

Berdasarkan Takwim 2018 yang diluluskan dalam Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 1 Tahun 2018 pada 12 Januari 2018.

# Implikasi Kewangan



Kos ditanggung oleh JKM bagi kedua-dua siri adalah sebanyak **RM33,344.00 (76.6%)** manakala **BTN** menanggung kos sebanyak **RM10,350.00 (23.4%)**.

Tanggungangan	Butiran	Siri 1	Siri 2	Jumlah
JKM	Makan Minum	9,180.00	11,160.00	20,340.00
	Fasilitator	5,680.00	7,324.00	13,004.00
BTN	Utiliti	2,040.00	2,040.00	4,080.00
	Alat Tulis	410.00	460.00	870.00
	T&T Fasi	2,700.00	2,700.00	5,400.00
Jumlah		<b>20,010.00</b>	<b>23,684.00</b>	<b>43,694.00</b>

*Jadual 1: Tanggungan Kos Penganjuran Program*

# Pengisian Program



Merupakan sesi ceramah berhubung isu integriti dan pembentangan kes-kes pecah amanah serta rasuah. Para peserta juga didedahkan kepada cara-cara mengelak pemberian dan penerimaan rasuah serta salah tadbir kewangan Jabatan.



Aktiviti-aktiviti permainan secara fizikal dan mental telah diadakan. Kesemua aktiviti dilihat telah dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.



Sesi Bicara Interaktif Bersama YBr. KPKM. Beliau sendiri memperingatkan semua peserta mengenai:

- Konsep Merakyatkan Perkhidmatan;
  - Konsep DREAM; dan
- 4 faktor perosak dalam organisasi.



Majlis Penutup Program turut dihadiri TKP(S), TKP(O), P(KS), Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri yang berkenaan. Penyampaian sijil telah disampaikan kepada semua peserta.

# Metodologi Penilaian



## Ulasan Ketua Fasilitator


- 1 Etika Kerja** Pergaulan tanpa prejudis dan perlu ada jalinan kemesraan tanpa halangan. Sentiasa berempati dan memahami keadaan ahli kumpulan dan rakan sekerja. Jangan sekali-kali kita mengkhianati rakan sekerja dan organisasi.
- 2 Kepekaan** Peka terhadap peristiwa dan perkara yang dilalui bagi mengimbas baik dan buruknya sesuatu perlakuan dan ungkapan. Ini adalah bagi meningkatkan budaya sopan dan berbudi bahasa dalam kalangan peserta.
- 3 Integriti** Akur pada arahan dan kefahaman tentang setiap arahan yang diberikan. Sifat kejujuran dan integriti perlu sentiasa diterapkan dalam diri.
- 4 Ego** Sentiasa bersikap terbuka kepada sebarang komunikasi secara lisan dan bukan lisan. Perlu ada sifat suka berkongsi dan tidak tamak dengan ilmu dan kelebihan yang kita ada. Melepaskan ego dan menerima situasi seadanya.
- 5 Usaha** Agresif dan pantas dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Sentiasa berusaha dan meningkatkan kerjasama dalam kalangan rakan sekerja.

# Pemerhatian & Keputusan

## Penilaian berkenaan Ceramah SPRM

- ✓ Penceramah telah dapat menyampaikan sesi dengan gaya santai dan berinformasi.
- ✓ Merupakan satu pendedahan yang sangat baik untuk peserta.
- ✓ Perkongsian pengalaman dan pembentangan kes yang amat jelas dapat dijadikan sebagai panduan semasa melaksanakan tugas.

Sila rujuk Lampiran 3: Laporan Pengumpulan Data Penilaian oleh SPRM.




## Penilaian oleh Biro Tata Negara (BTN)



Peserta program sanggup mengeneipkan ego masing-masing dan telah dapat melaksanakan program secara terbuka. Minda pegawai JKM dilihat sangat kritikal melalui soalan-soalan yang dikemukakan kepada para fasilitator.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak BTN hasil daripada penilaian dan pemerhatian mereka.




Sila rujuk Lampiran 4 dan 5 bagi Laporan Pengumpulan Data Penilaian JKM Siri 1 dan Siri 2.



## Penilaian Semasa Sesi Bicara Interaktif Peserta Bersama Pengurusan Tertinggi JKM

- Semasa sesi bicara interaktif tersebut diadakan, para peserta telah mengemukakan pelbagai soalan, memohon pencerahan dan mengutarakan pandangan.
- Butiran sesi bicara tersebut dapat dilihat di Lampiran 6.

Bilangan Soalan Mengikut Tajuk



## Rumusan Impak Program

1

Peserta program telah **dapat memahami objektif** pelaksanaan program yang dapat memberi input dan pengetahuan berhubung perlembagaan negara, kecintaan kepada negara atau patriotisme, kerjasama berpasukan antara rakan sekerja, integriti dan disiplin diri.

2

**Aturan dan pemilihan aktiviti dan sesi** yang baik telah dapat diterima dan diserap oleh peserta program dengan berkesan.

3

Peserta program perlu **didedahkan dengan dasar-dasar terkini Kerajaan** bagi memantapkan lagi pelaksanaan tugas dan fungsi Jabatan seiring dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan.

4

**Tahap kerjasama dan persefahaman** di antara peserta program amat baik.

5

Pelaksanaan program ini adalah **berkonsepkan kerjasama strategik** antara JKM dengan BTN.

6

**Ilmu pengetahuan dan pemahaman mengenai dasar dan aspirasi Jabatan** telah dapat dipertingkatkan.

## Penutup

- Program Pembudayaan Transformasi Negara kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan Ketua Institusi 2018 adalah merupakan salah satu medium yang penting bagi mencapai hasrat Jabatan membentuk budaya kerja berpasukan dan berilmu tinggi dalam kalangan pegawai dan anggota Jabatan.
- Pembudayaan kerja yang positif dan pasukan yang mantap ini amat penting bagi memastikan hasrat dan aspirasi Kerajaan amnya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya melalui Pelan Strategik JKM 2016 – 2020 dapat diterjemahkan melalui penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan berkesan.

Disediakan oleh,  
**Cawangan Penyelarasan dan Keurusetiaan**  
Bahagian Kawalan Standard  
Tarikh: 19 September 2018

LAMPIRAN 1

**JADUAL PROGRAM PEMBUDAYAAN TRANSFORMASI NEGARA BAGI  
PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH DAN KETUA INSTITUSI 2018  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Masa Hari	5.45 – 6.50	7.00 – 8.00	8.30	10.35 – 10.50	11.00 -	1.05 – 2.20	2.45 – 4.30	4.35 – 5.15	5.20 – 6.20	6.30 – 7.00	7.10 – 9.00	9.15 – 11.15	11.20 – 11.35	12.00 – 5.30
HARI 1				PENDAFTARAN & TAKLIMAT		MAKAN TENGAHARI / SOLAT ZOHOR	WACANA 1	KUDAPAN PETANG / SOLAT ASAR	RIADAH PETANG	MAKAN MALAM	SOLAT MAGHRIB / TAZKIRAH / SOLAT	WACANA 2	KUDAPAN MALAM	REHAT / MUHASABAH
HARI 2	SUBUH / TAZKIRAH	SARAPAN PAGI	AKU TAHU	KUDAPAN PAGI	NEGARAKU		TEAM PLAYER					PERANCANGAN & PELAKSANAAN		
HARI 3			REKREASI FAJAR		MAJLIS PENUTUP									

# LAMPIRAN 2

BORANG PENILAIAN PENCERAMAH SPRM														LAMPIRAN 4	
BIL	KEUPAYAAN PENCERAMAH				MARKAH	PENGETAHUAN				Peningkatan Pengetahuan	BERGUNA		PERLU TERUSKAN		ULASAN (JIKA ADA)
	P/YAMPAIAN	GAYA	KAITAN	M/BALAS		SEBELUM	%	SELEPAS	%		YA	TIDAK	YA	TIDAK	
1	10	10	10	10	40	7	70	10	100	30	1			Sangat berinformasi & ada kaitan dgn JKM	
2	10	10	9	8	37	8	80	9	90	10	1			Rasuah tidak boleh diamalkan & boleh jatuh imej krjn	
3	7	7	7	5	26	7	70	7	70	0	1			Pengalaman kes dikongsi bersama	
4	8	8	8	8	32	5	50	8	80	30	1			Kongsi pengalaman sangat baik	
5	8	9	8	8	33	5	50	6	60	10	1				
6	10	10	10	10	40	10	100	10	100	0	1				
7	9	10	9	8	36	7	70	10	100	30	1				
8	10	10	10	10	40	6	60	9	90	50	1				
9	8	8	9	9	34	4	40	9	90	50	1			Perkongsi yang berguna	
10	6	6	6	6	24	7	70	9	90	20	1				
11	10	10	10	10	40	10	100	10	100	0	1				
12	8	9	8	8	33	6	60	8	80	20	1				
13	9	8	9	9	35	7	70	8	80	10	1				
14	9	9	9	9	36	6	60	7	70	10	1			Bagus utk panduan kpd penjawat awam	
15	10	10	10	10	40	6	60	10	100	40	1				
16	6	6	7	7	26	6	60	6	60	0	1			1	
17	8	8	8	8	32	4	40	8	80	40	1			Amat baik & berguna	
18	8	9	9	9	35	9	90	10	100	10	1				
19	8	8	8	8	32	8	80	8	80	0	1			Ceramah gaya santai & berinformasi	
20	8	9	9	9	35	9	90	9	90	0	1				
21	9	9	9	9	36	6	60	9	90	30	1				
22	7	7	7	8	29	6	60	8	80	20	1				
23	8	8	8	7	31	8	80	8	80	0	1			Sangat baik & bermanfaat	
24	7	7	8	8	30	5	50	6	60	10	1			Ceramah yang baik	
25	8	7	7	8	30	5	50	8	80	30	1				
26	8	8	8	8	32	7	70	7	70	0	1				
27	8	8	8	8	32	5	50	8	80	30	1			Penceramah ada pengetahuan luas	
28	7	7	7	7	28	7	70	7	70	0	1				
29	5	5	5	4	19	4	40	7	70	30	1			Perlu tingkat methodologi penyampaian	
30	8	8	8	8	32	5	50	8	80	30	1				
31	8	8	8	8	32	6	60	8	80	20	1				
32	8	9	9	9	35	9	90	9	90	0	1				
33	8	8	8	8	32	7	70	8	80	10	1				
34	10	10	10	10	40	5	50	10	100	50	1			Amat berguna	
35	8	9	8	8	33	5	50	9	90	40	1			Perlu diteruskan sbg pengetahuan & peringatan	
36	10	10	10	10	40	10	100	10	100	0	1				
37	9	8	9	9	35	8	80	8	80	0	1				
38	9	9	9	9	36	7	70	9	90	20	1				
39	9	9	9	9	36	4	40	9	90	50	1				
40	8	8	8	8	32	5	50	8	80	30	1				
41	9	9	9	9	36	3	30	9	90	60	1			Berfaedah	
42	8	7	9	8	32	8	80	8	80	0	1				
43	8	8	8	8	32	7	70	8	80	10	1			1	
44	10	10	10	9	39	7	70	9	90	20	1			Pendedahan sangat baik kpd peserta	
45	10	9	10	10	39	8	80	9	90	10	1				
46	8	8	7	7	30	7	70	8	80	10	1			Penjelasan berdasarkan pengalaman & contoh amat jelas	
47	8	8	8	8	32	6	60	8	80	20	1				
48	7	7	7	7	28	4	40	9	90	50	1			Ceramah & perkongsian yg baik	
49	9	9	9	9	36	5	50	8	80	30	1				
50	9	8	9	9	35	6	60	8	80	20	1				
51	9	9	8	8	34	10	100	10	100	0	1			Pendedahan rasuah dikalangan penjawat awam	
52	8	8	8	8	32	8	80	9	90	10	1				
53	7	8	8	7	30	8	80	8	80	0	1				
54	6	8	8	8	32	8	80	8	80	0	1				
55	6	7	7	7	27	5	50	7	70	20	1				
56	8	8	9	8	33	9	90	9	90	0	1				
57	9	10	9	10	38	7	70	10	100	30	1			Perkongsi sangat baik & beri iktibar	
58	8	8	8	8	32	6	60	9	90	30	1				
59	10	10	10	10	40	6	60	10	100	40	1			Perbanyakkan sesi soal jawab	
60	8	8	8	8	32	6	60	8	80	20	1			Baik	
61	9	8	7	7	31	6	60	8	80	20	1			Ceramah yang baik & berkesan	
62	7	7	8	7	29	7	70	7	70	0	1				
63	6	6	6	6	24	6	60	6	60	0	1				
64	9	9	9	9	36	6	60	8	80	20	1			Maklumat sgt berguna sbg panduan laksana tugas	
65	9	9	9	9	36	4	40	8	80	40	1				
66	8	8	8	8	32	6	60	8	80	20	1				
67	9	9	9	9	36	8	80	9	90	10	1				
68	9	8	9	8	34	5	50	9	90	40	1			Menarik & contoh yang jelas	
69	9	9	9	9	36	5	50	10	100	50	1			Perkongsi yang sangat bagus	
70	8	8	8	7	31	4	40	8	80	40	1				
	83.3	83.4	84.0	82.4	83.3	452	64.6	588	84	83.4	100%	0%	97.10%	2.90%	



Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



**LAPORAN RASMI PROGRAM LATIHAN TRANSFORMASI NEGARA  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**PEGAWAI PENYELARAS BTN** : MOHD HISYAMUDDIN BIN HAJI BASABAH  
**TARIKH** : 12-14 MAC 2018  
**TEMPAT** : KEM BINA NEGAR ULU SEPRI (A), REMBAU,  
 NEGERI SEMBILAN  
**JUMLAH PESERTA KESELURUHAN:** 70 ORANG

**PENGURUSAN PROGRAM:**

Program berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan.

**PENCAPAIAN OBJEKTIF PROGRAM:**

Objektif program telah dapat dicapai seperti mana yang telah digariskan oleh pihak JKM dan BTN. Pencapaian objektif program ini dapat diukur melalui komitmen keseluruhan peserta yang merangkumi setiap aktiviti sama ada bersama penceramah, pentazkirah, fasilitator dan juga jurulatih. Kefahaman yang ditunjukkan oleh peserta di akhir program juga adalah antara indikator pencapaian objektif program.

**ULASAN KESELURUHAN PROGRAM**

Program berjalan dengan lancar dan telah mendapat kerjasama yang amat cemerlang oleh barisan urusetia BTN dan JKM, komitmen yang hebat oleh barisan fasilitator dan jurulatih serta komitmen dan partisipasi yang amat cemerlang yang ditunjukkan oleh para peserta.

**CADANGAN UMUM**

1. Para peserta berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.
2. Kebanyakan peserta memohon agar modul yang digunakan lebih bersifat "outdoor" dan mencabar.
3. Masa berprogram dapat dipanjangkan lagi kepada sekurang-kurangnya 4 hari 3 malam.

**ISU DI DALAM KALANGAN PESERTA**

1. Masih ramai dalam kalangan peserta yang masih tidak jelas dengan dasar kerajaan sehingga ada yang sama sekali tidak bersetuju dengan kepimpinan semasa.
2. Kebanyakan pegawai JKM yang mengikuti program ini tidak mengetahui berkenaan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi asas kehidupan bernegara.
3. Dicadangkan agar pihak JKM menyaring dengan teliti setiap kemasukan pegawai dan kakitangan ke dalam jabatan ini agar tidak berlaku gunting dalam lipatan dan ketirisan maklumat.
4. Dicadangkan agar slot pengisian bersama fasilitator dapat ditambah kerana slot yang ada sebenarnya tidak memadai dalam membincangkan isu-isu nasional mahupun yang melibatkan dasar-dasar kerajaan yang akan dijalankan oleh JKM.
5. Secara keseluruhan, melalui komen akhir, majoriti peserta berpendapat program sebegini harus diadakan pada masa ke semasa dan berpuas hati dengan penerangan dan perkongsian yang telah didapati di dalam program ini.

**DISEDIAKAN OLEH:**

  
 NAMA **MOHD HISYAMUDDIN BIN HAJI B**

Penolong Pengarah

JAWATAN: Bahagian Birokrat dan Korporat  
 • Biro Tatanegara

TARIKH

Jabatan Perdana Menteri  
 21/3/18.



# LAMPIRAN 4 LAMPIRAN 6

BORANG PENILAIAN KURSUS JKM																								
BIL	PENILAIAN KESELURUHAN (C: CEMERLANG / B: BAGUS / TM: TIDAK MEMUASKAN)			PENCAPAIAN OBJEKTIF		PENILAIAN FASILITATOR				KEMUDAHAN KURSUS (C: CEMERLANG / SB: SANGAT BAGUS / B: BAGUS / S: SEDERHANA / T: TERUK)					MATERIAL KURSUS (C: CEMERLANG / SB: SANGAT BAGUS / B: BAGUS / S: SEDERHANA / T: TERUK)					DANGAN KURSUS PADA ORANG LAIN		3 PERKARA DIPELAJARI		
	C	B	TM	YA	TIDAK	PENGETAHUAN	GUNA FAKTA	TARIK MINAT	PENYAMPAIAN	C	SB	B	S	T	C	SB	B	S	T	YA	TIDAK	1	2	3
1	1			1		4	3	3														pengetahuan am	pengurusan masa	semangat patriotik
2	1			1		5	5	5		1					1									
3		1		1		4	4	4			1								1			semangat ci ntakan nega	kerjasama dalam kumpul	semangat patriotisme
4	1			1		4	4	4			1											kepimpinan	fokus	pengurusan masa
5		1		1		4	4	4				1							1			kecintaan pada negara	pengetahuan	jati diri sbg warganegara
6		1		1		5	5	5			1								1					
7	1			1		4	3	3		1					1							perlembagaan malaysia	tentang malaysia	
8		1		1		3	3	3									1							
9		1			1	3	3	4														kepentingan kerjasama	belajar menyesuaikan diri	melakukan tugas dgn ir
10		1		1		4	4	4														kefahaman tentang ken	kerjasama dalam kumpul	merapatkan hubungan
11	1			1		4	4	4							1							merapatkan silaturrahim	kerjasama	kecintaan trhdp negara
12				1		5	5	5							1							teamwork	setia kawan	sangat ci ntakan negara
13	1			1		4	4	4							1							semangat berpasukan	tidak putus asa	berkongsi idea
14		1		1		4	4	4								1						teamwork	arahan perlu jelas	wujudkan hubungan yg b
15		1		1		4	4	4								1						pengurusan	aktiviti-aktiviti	idea/kreativiti
16		1		1		5	5	4							1							patriotisme	isu-isu semasa	pencegahan rasuah
17	1			1		5	5	5														semangat patriotisme	perlembagaan	isu-isu semasa
18		1		1		5	4	5							1							semangat ci ntakan nega	dasar-dasar negara	kerjasama pasukan
19		1		1		4	4	4		1														
20		1		1		4	4	4				1										perlembagaan	rekreasi melepaskan teka	ada objektif yg positif
21		1		1		5	5	5														semangat patriotisme	kerjasama	
22		1		1		4	4	4				1										semangat patriotik	kerjasama	kesabaran yg tinggi
23		1		1		4	4	4				1										patriotisme	perlembagaan	teamwork
24		1		1		5	5	5														teamwork	arahan	
25		1		1		4	4	5														pengalaman	tanggungjawab pada negara	
26		1		1		3	3	3		1												teamwork	integriti	cintakan negara
27	1			1		4	4	4							1							semangat kerjasama	rakan berpasukan	pengetahuan
28		1		1		3	4	4					1									kerjasama berpasukan	dpt mengenali rakan	
29		1		1		4	4	4							1							kecintaan terhdp negara	kesetiaan	
30		1		1		4	4	4														jati diri	cintakan tanah air	semangat kerjasama
31	1			1		5	5	5														kerja berpasukan	patriotisme	menghargai masa
32		1		1		4	4	4				1										mampu mengawal emosi	belajar membuat keputusan	
33		1		1		4	4	4		1												semangat kerjasama	kepercayaan	integriti
34	1			1		4	4	5							1							semangat kenegaraan	kefahaman dan toleransi	
35		1		1		5	5	4							1							mendalami ttg perlemb	teamwork	
36	1			1		4	4	4														disiplin	kerjasama	
37		1		1		4	4	4																
38	1			1		4	4	5																
39		1		1		5	5	5		1												kefahaman perlembaga	sentiasa peka dgn keadaan negara	
40	1			1		4	4	4							1							pengetahuan ttg negara	etika bekerja dgn betul	mengenalni antara satu sar
41		1		1		5	5	5							1							transformasi negara	kesabaran	pemikiran kreatif
42	1			1		4	4	4		1												semangat berpasukan	menghormati org lain	kerjasama dlm pasukan
43	1			1		4	4	4		1												semangat ci ntakan nega	teamwork	
44		1		1		5	5	5														meningkatkan potensi	kerja berpasukan	semangat patriotisme
45	1			1		5	5	5														memahami isu-isu nega	memastikan negara tidak dijajah negara luar	
46	1			1		4	4	4																
47	1			1		4	4	4																
48		1		1		5	5	4		1														
49	1			1		4	4	4																
50		1		1		4	4	4														pembentukan negara ba	membina negara makmur	
51	1			1		4	4	5																
52	1			1		5	5	5		1														
53		1		1		4	4	4																
54	1			1		5	5	5																
55		1		1		4	4	4																
56	1			1		5	5	4							1									
57		1		1		4	4	4																
58	1			1		4	4	4																
59	1			1		4	4	5		1														
60		1		1		5	5	5																
61		1		1		4	4	4							1									
62	1			1		5	5	5																
63	1			1		4	4	4																
64	1			1		4	4	4																
65	1			1		4	4	4																
66		1		1		4	4	5																
67	1			1		5	5	5																
68		1		1		4	4	4																
69	1			1		5	5	5		1														
70		1		1		4	4	4																
	31	39	0	69	1	298	296	300	299	12	26	32	0	0	9	15	37	9	0	70	0			
	44.3	55.7	0.0	98.6	1.4	85.1	84.6	85.7	85.4	17.1	37.1	45.7	0.0	0.0	12.9	21.4	52.9	12.9	0.0	100.0	0.0			





## LAMPIRAN 6

### SOALAN SEMASA SESI BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA PKMD DAN KI DI PROGRAM PEMBUDAYAAN TRANSFORMASI NEGARA SIRI 1 DI KBN ULU SEPRI, NEGERI SEMBILAN PADA 1 MAC 2018

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	<p><b>PKMB SERIAN, SARAWAK</b></p> <p>PKMD Serian adalah Bahagian baharu di Sarawak. Kini, hanya mempunyai 6 orang kakitangan dengan bebanan sebanyak 6000 kes. Mohon agar kelulusan perjawatan baharu disegerakan.</p>	<p><b>PENGARAH (P)</b></p> <p>(i) JKM telah membuat permohonan pengisian perjawatan kepada JPA dan sebanyak 179 perjawatan dari 250 yang dipohon telah diluluskan. Pengisian perjawatan tersebut dapat dilaksanakan dalam bulan April - Julai 2018 secara berperingkat.</p> <p>(ii) Bahagian (P) juga sedang dalam tindakan menyemak perjawatan di beberapa buah negeri seperti Sabah, Perlis dan Pulau Pinang dalam usaha mengatur penstrukturan baru JKM.</p>
2.	<p><b>PKMD SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN</b></p> <p>(i) Masalah sistem 1GFMS bermasalah dan lambat. Terdapat masalah sistem antara AG dengan pihak bank yang mana bantuan tidak sampai ke akaun penerima.</p> <p>(ii) Masalah kenderaan JKM yang telah mencapai usia 20 tahun. Mohon agar perolehan kenderaan baharu dilaksanakan.</p>	<p><b>PENGARAH (P)</b></p> <p>(i) Masih terdapat masalah penyelarasan data antara sistem. JKM masih berusaha untuk menghubungkan sistem e-Bantuan dengan 1GFMS. Semua PKMD diminta memastikan semua data dilengkapkan dalam sistem e-Bantuan dan 1GFMS. PKMD perlu menetapkan <i>time line</i> segera kemasukan data tersebut.</p> <p>(ii) Bagi tahun 2018, JKM telah diluluskan Peruntukan Pembelian Aset Kenderaan sebanyak RM1.5 juta sahaja dan peruntukan itu akan digunakan untuk pembelian kenderaan yang bersesuaian bagi penggantian kenderaan JKM Negeri. Penggantian</p>

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
		<p>kenderaan akan dilakukan secara berperingkat pada tahun 2019 dan 2020 dengan penambahan daripada bajet pembangunan sebanyak RM22 juta bagi kenderaan di JKM Negeri (yang tidak dibekalkan kenderaan baharu pada tahun 2018), PKMD dan Institusi JKM.</p>
3.	<p><b>RUMAH PERLINDUNGAN REMBAU, NEGERI SEMBILAN</b></p> <p>(i) Perjawatan Penguasa dan perjawatan Pembantu Kebajikan Masyarakat S19 (lelaki) diisi sedangkan khidmat wanita lebih diperlukan.</p> <p>(ii) Memohon peruntukan dibawah OS 21000 kerana membiayai kos penerbangan pegawai eskot kes ke Sabah dan Sarawak.</p>	<p><b>PENGARAH (KK)</b></p> <p>(i) Bahagian (P) memaklumkan bahawa Perjawatan Penguasa dapat diisi dalam bulan April – Mei 2018.</p> <p>(ii) Bahagian (KK) akan membuat kajian semula prestasi perbelanjaan di PTJ Negeri bagi ATIP Rembau dan Johor setiap enam (6) bulan. Bahagian (KK) akan mengkaji proses pendahuluan diri untuk pembayaran tiket penerbangan dan penginapan.</p> <p>Bahagian (P) mencadangkan agar Rumah Perlindungan dapat diletakkan di bawah Bahagian (PKM) agar dapat membolehkan permohonan bajet dapat dibuat kepada MOF.</p>
4.	<p><b>PKMD MELAKA TENGAH</b></p> <p>Memohon agar proses kerja kajisemula bantuan kewangan disemak dan ditambahbaik seperti cadangan untuk membuat kajisemula kes selepas dua (2) tahun bagi kes BOT/OKU.</p>	<p><b>PENGARAH (KP)</b></p> <p>Bahagian Kebajikan Produktif (KP) masih mengkaji dokumen berkaitan <i>Public Service Delivery Transformation</i> (PSDT) dan memohon PKMD Melaka Tengah mengemukakan laporan <i>outcome</i> berkaitan pelaksanaan program tersebut. Bahagian (KP) bercadang untuk mengadakan</p>

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>MAKLUM BALAS</b>
		perbincangan dengan MAMPU dan JK PEMANDU bagi menyelaraskan semula program tersebut.
5.	<p><b>RSK CHENG, MELAKA</b></p> <p>(i) Bagaimana proses kerja operasi V2i di institusi?</p> <p>(ii) Apakah boleh kejayaan RE KKB mengadakan program SKM dan Pusat Bertauliah dipanjangkan ke institusi lain seperti RSK Cheng?</p> <p>(iii) Adakah direktori SME telah dibuat di JKM? Apakah peranan dan keistimewaan SME?</p>	<p><b>PENGARAH (PP)</b></p> <p>(i) Bahagian (K) telah membentangkan SOP V2i di MPT JKM dan akan dibentangkan kepada semua apabila dimuktamadkan kelak.</p> <p>(ii) Bahagian (PP) telah menjadikan RSK Cheng sebagai KPI untuk SLDN dan Pusat Bertauliah. Kini dalam proses menyediakan dokumentasi. Begitu juga dengan pendaftaran SKM bagi 70 orang kakitangan yang akan dikemukakan kepada JTK setelah selesai penyusunan dokumentasi.</p> <p>(iii) Pada masa ini, JKM telah menetapkan SME dalam bidang Kanak-kanak, Orang Kurang Upaya dan Warga Emas. Walau bagaimanapun, modul dan garis panduan SME perlu dibangunkan terlebih dahulu.</p>
6.	<p><b>PKMD ALOR GAJAH</b></p> <p>Mohon peruntukan penyelenggaraan menyeluruh dapat diturunkan untuk Kompleks Penyayang Alor Gajah kerana banyak aset perlu diselenggara.</p>	<p>Peruntukan bagi Kompleks Penyayang Alor Gajah telah disalurkan kepada JKM Negeri Melaka. Permohonan peruntukan tambahan boleh dibuat melalui JKM Negeri Melaka ke Ibu Pejabat JKM.</p>

**SOALAN SEMASA SESI BICARA INTERAKTIF KPKM DAN  
PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA PKMD DAN KI DI PROGRAM  
PEMBUDAYAAN TRANSFORMASI NEGARA SIRI 2 DI KBN ULU  
KENAS, KUALA KANGSAR, PERAK PADA 12 JULAI 2018**

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	<p><b>PENGETUA TSH KUALA KUBU BHARU, SELANGOR</b></p> <p>Memohon pencerahan dan penyeragaman berhubung waktu shif kakitangan institusi diantara kanak-kanak, warga emas dan OKU.</p> <p>Memohon pencerahan mengenai kelayakan pemberian cuti kelepasan am yang jatuh pada hari sabtu.</p> <p>Memaklumkan TSH telah menerima 21 notis kompaun dari Jabatan Bomba dan Penyelamat di atas ketakakuran keselamatan bangunan seperti pintu perintang api tidak mengikut spesifikasi dan lampu kecemasan tidak berfungsi. Beliau telah memaklumkan kepada JKMN dan JPOKU namun tiada balasan. Tempoh memberi maklum balas kepada JBP adalah 365 hari.</p> <p>Beliau juga memaklumkan bahawa katil dan tilam untuk penghuni tidak mencukupi.</p>	<p><b>PENGARAH (P)</b></p> <p>Pengarah (P) memaklumkan bahawa waktu kerja shif dan cuti gantian adalah merupakan satu kawalan dalaman sahaja. Terdapat pekeliling yang boleh dirujuk seperti waktu kerja shif Kementerian Kesihatan namun kekangan yang ujud adalah kekurangan tenaga kerja.</p> <p>Pengarah JPOKU akan membawa isu cuti ke dalam mesyuarat Ketua Intitusi OKU.</p> <p>Pengarah (P) memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah berjanji untuk menyalurkan peruntukan tambahan di bawah B11. JKM masih menunggu penyaluran peruntukan tersebut.</p> <p>Pengarah (P) memaklumkan bahawa institusi lain boleh membantu institusi yang mengalami kekurangan kelengkapan katil dan tilam.</p>

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>MAKLUM BALAS</b>
2.	<p><b>PKMD Sabak Bernam</b></p> <p>Memohon pencerahan berhubung kutian semula baki agihan geran kepada PDK bagi tahun 2018 dan adakah surat rasmi berkenaan perkara ini telah dikeluarkan.</p>	<p>Pengarah JPOKU memaklumkan bahawa surat rasmi berkenaan perkara ini telah diedarkan kepada semua Pengarah Negeri. Baki agihan geran mesti dikutip semula. PKMD diminta merujuk perkara ini kepada Penyelaras Negeri dan PKMN.</p>
3.	<p><b>PENGETUA RKK TB, PULAU PINANG</b></p> <p>Garis panduan pengurusan wang saku telah dikeluarkan oleh Bahagian Kanak-Kanak. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk menyediakan wang saku untuk kanak-kanak bersekolah mulai 3hb Januari setiap tahun memandangkan peruntukan ketika waktu tersebut masih belum diperolehi. Masalah penyimpanan wang saku tunai dalam peti besi juga akan menimbulkan permasalahan. Mencadangkan proses pembayaran melalui akaun amanah seperti bayaran bantuan PKMD.</p>	<p>Pengarah (P) memaklumkan bahawa saluran wang saku kepada penghuni adalah secara EFT terus ke akaun kecuali bagi kanak-kanak bersekolah. Beliau akan melihat semula proses dan kaedah bagi menyelesaikan masalah perbelanjaan wang saku awal tahun bersama Bahagian Kanak-Kanak.</p>
4.	<p><b>PKMD PETALING JAYA</b></p> <p>Memohon pencerahan mengenai pemberian geran kepada PSK, PAWE, PPDK dan PAKK. Kesemua entiti tersebut telah berdaftar dengan ROS dan kini, setiap daripada entiti tersebut mempunyai garis panduan yang berbeza. Mencadangkan agar pengurusan geran disatukan dibawah Bahagian Komuniti.</p>	<p>Pengarah (P) memaklumkan bahawa JKM sedang menggubal pengurusan geran berasaskan komuniti yang standard agar dapat memudahkan proses pengurusan PSK oleh pegawai JKM.</p> <p>Pengarah (K) memaklumkan pada masa ini, terdapat pelbagai garis panduan geran adalah kerana pengiraan peruntukan bagi setiap PSK adalah berbeza mengikut kelulusan Kertas Kabinet.</p>

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>MAKLUM BALAS</b>
5.	<p><b>PKMD KULIM</b></p> <p>Memohon pencerahan mengenai adakah JKM mempunyai peruntukan bagi pegawai JKM mendaftar sebagai PPT dan ILB.</p> <p>Memohon pencerahan mengenai pelaksanaan pengiraan kelayakan penerima bantuan menggunakan PGK.</p>	<p>Pengarah (PP) memaklumkan bahawa pegawai JKM yang berminat untuk membuat NOSS Kerja Sosial boleh memohon PPT dengan Bahagian PP.</p> <p>Pada tahun 2018, seramai 350 orang pegawai JKM akan terlibat dengan PPT menggunakan bajet JPK. PKMD dan Ketua Institusi adalah diminta untuk menghadiri kursus apabila menerima surat jemputan kelak pada bulan Julai dan Ogos 2018.</p> <p>Pengarah (KP) memaklumkan bahawa melalui Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan JKM yang baharu, PGK semada dan Per Kapita Semasa pemohon boleh digunakan bagi menentukan kelayakan pemohon mendapatkan bantuan kewangan JKM.</p> <p>KPKM meminta Bahagian (KP) untuk membuat jerayawara mengenai perkara ini.</p>
6.	<p><b>PKMD BALING</b></p> <p>Memohon pengisian Kaunselor di PKMD Baling yang telah dikosongkan sejak enam (6) tahun.</p> <p>Memohon JKM dapat mengatur sesi pertemuan YAB TPM dengan PKDM dan Ketua Institusi JKM.</p>	<p>Pengarah (PK) memaklumkan bahawa terdapat 14 kekosongan perjawatan Kaunselor. JPA telah memaklumkan bahawa tiada pelantikan baharu dibuat. Beliau juga memaklumkan bahawa perjawatan Kaunselor di PKMD Baling telah dibawa ke JKMN Kelantan.</p> <p>Pengarah (P) memaklumkan akan menyemak semula perkara ini samada terdapat isu pindah butir atau sebaliknya.</p> <p>JKM akan cuba mengatur pertemuan tersebut.</p>

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
	<p>Memohon pencerahan mengenai pembukaan PAWE baharu yang mana ianya agak sukar untuk dilaksanakan memandangkan tiada peruntukan sewaan. Mohon peruntukan sewaan disalurkan.</p>	<p>Pengarah (WE) memaklumkan bahawa JKM telah memohon peruntukan sewaan namun tiada balasan dari MOF. Mohon PKMD dapat menggunakan peruntukan sebanyak RM33,000 sebaik mungkin.</p>
7.	<p><b>PKMD KINTA</b></p> <p>Pada masa ini, PKMD Kinta beroperasi di bangunan Asrama Akhlak Silibin. Terlalu banyak kerosakan dan amat memerlukan penyelenggaraan.</p> <p>Memohon pengisian perjawatan Penolong Pegawai Tadbir N29 yang telah kosong selama dua (2) tahun. Surat permohonan kepada JKM telah dihantar.</p> <p>Memaklumkan bahawa hospital mengenakan caj pemeriksaan perubatan sebanyak RM100 kepada kes-kes orang papa yang dirujuk. Tiada pengecualian diberikan dalam hal ini.</p>	<p>Permohonan masih menunggu peruntukan tambahan dari MOF.</p> <p>JKM telah memohon kepada JPA dan masih menunggu keputusan.</p> <p>PKMD boleh berbincang dengan pihak hospital berhubung permohonan kelulusan pengecualian caj. Bahagian PU perlu mengadakan perbincangan dengan KKM berkenaan hal ini.</p>
8.	<p><b>PKMD KOTA BHARU</b></p> <p>Memohon agar pengisian perjawatan Timbalan PKMN Kelantan dapat disegerakan.</p> <p>Memohon pencerahan mengenai pertukaran pegawai antara unit di daerah memerlukan kelulusan PKMN.</p>	<p>JKM sedang menunggu calon yang akan diluluskan oleh KPKM.</p> <p>Tiada arahan rasmi berhubung pertukaran pegawai dalam PKMD/J memerlukan kelulusan PKMN. Namun, PKMD/J diminta berbincang dan memberi justifikasi pertukaran tersebut kepada PKMN.</p>

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>MAKLUM BALAS</b>
9.	<p><b>RE DUNGUN</b></p> <p>Pengetua memaklumkan bahawa terdapat kakitangan berjawatan kader yang mempunyai sikap negatif dan mengganggu keharmonian kakitangan lain dalam institusi. Maka, adakah wajar Pengetua membuat permohonan pertukaran kakitangan tersebut?</p>	<p>Pengarah (P) memaklum ketua jabatan perlu mengambil tindakan tatatertib segera ke atas kakitangan bermasalah. Keputusan tindakan tatatertib perlu dimaklumkan kepada Jabatan asal.</p> <p>KPKM meminta tindakan menghantar kembali kakitangan tersebut ke Jabatan asal (KKM).</p>
10.	<p><b>TKP(O)</b></p> <p>Semua PKMD/J dan KI perlu memberi perhatian dan tumpuan kepada teguran audit samada audit Jabatan atau MOF.</p> <p>PKMD/J dan KI perlu melaksanakan audit sendiri menggunakan modul JKM Pantau yang telah dibentuk.</p> <p>PKMD/J perlu membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas perbelanjaan dan pentadbiran PAWE, PDK dan PAKK.</p>	
11.	<p><b>TKP(S)</b></p> <p>Semua PKMD/J dan KI diminta untuk memastikan semua kakitangan melengkapkan butiran kelayakan akademik dalam HRMIS. Ini adalah kerana JKM memerlukan data tepat mengenai maklumat pegawai untuk didaftarkan sebagai Pekerja Sosial atau Pekerja sosial Bersekutu.</p>	
12.	<p><b>KPKM</b></p> <p>Semua PKMD/J dan KI diminta menyimpan semua rekod permohonan peruntukan penyelenggaraan dan sebagainya sebagai bukti permohonan telah dibuat. Ia dapat dijadikan sebagai satu sumber pembelaan diri jika diaudit.</p> <p>Memaklumkan draf penyelarasan garis panduan PSK sedang dimurnikan.</p> <p>Perlu ambil tindakan susulan berhubung isu caj RM100 keatas kes-kes yang dirujuk ke hospital. Bahagian (PU) diminta berhubung dengan KKM untuk melihat samada arahan dikeluarkan oleh hospital atau KKM sendiri.</p>	



BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS
	<p>Semua pihak diminta untuk tidak menyembunyikan sebarang masalah daripada pemegang taruh agar mereka dapat membantu kita menyelesaikan permasalahan yang timbul.</p> <p>Semua pihak diminta membuat persediaan setiap masa bagi menghadapi lawatan mengejut YAB TPM ke institusi/daerah.</p>	

**GAMBAR PELAKSANAAN PROGRAM PEMBUDAYAAN  
TRANSFORMASI NEGARA 2018 SIRI 1 & 2**



**Pendaftaran Peserta Program**



**Jamuan Di Dewan Makan**



**Sesi Taklimat Program**





**Perbarisan di Padang Kawad**



**Program dan Aktiviti Sepanjang Program**





Aktiviti LDK




Program Kerohanian Subuh dan



**Rekreasi Fajar**





**Majlis Perasmian Penutup  
oleh YBhg KPKM**



**Bicara Interaktif KPKM dan Pengurusan  
Tertinggi Bersama PKMD dan Ketua  
Institusi**



**Majlis Penyampaian Sijil oleh  
YBhg KPKM**

